

**JADUAL PENGUBALAN  
RANG UNDANG-UNDANG PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018**

<b>BIL.</b>	<b>RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018</b>	<b>ULASAN</b>
	<p>Suatu Akta untuk menetapkan standard-standard minimum penginapan dan perumahan pekerja dan kemudahan yang berkaitan dengannya serta perkara-perkara yang bersampingan dengannya.</p>	
	<p><b>BAHAGIAN I PERMULAAN</b></p>	
1	<p><b>Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa</b></p> <p>(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penginapan dan Perumahan Pekerja 2018.</p> <p>(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.</p> <p>(3) Akta ini mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>dalam <i>Warta</i>, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.</p>	
2	<p><b>Pemakaian</b></p> <p>(1) Akta ini hendaklah terpakai bagi mana-mana tempat pekerjaan atau bahagian daripadanya yang menyediakan penginapan dan perumahan pekerja;</p> <p>(2) Akta ini tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, mana-mana badan berkanun atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang menyediakan penginapan kepada pekerjanya.</p>	
3	<p><b>Tafsiran</b></p> <p>Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	“bangunan” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan untuk penginapan atau perumahan pekerja:	
	“Jurutera Daerah”, berkenaan dengan suatu daerah, ertinya mana-mana jurutera dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang sedang menjalankan tugas Jabatan Kerja Raya bagi daerah itu dan, termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Jurutera Daerah;	
	<p>“Ketua Pengarah” ertinya:</p> <p>(a) berkenaan dengan Semenanjung Malaysia, Ketua Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kerja 1955;</p> <p>(b) berkenaan dengan Sabah, Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Ordinan Buruh (Sabah Bab 67); dan</p> <p>(c) berkenaan dengan Sarawak, Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Ordinan</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	Buruh (Sarawak Bab 76).	
	<p>“kontrak perkhidmatan” ertinya mana-mana perjanjian, sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau tersirat, di mana seseorang bersetuju mengambil seorang yang lain sebagai pekerja dan orang yang lain itu bersetuju berkhidmat dengan majikannya sebagai seorang pekerja.</p>	
	<p>“majikan” ertinya:</p> <p>(a) mana-mana orang yang membuat kontrak perkhidmatan untuk mengambil bekerja mana-mana orang lain sebagai pekerja dan termasuklah ejen, pengurus atau faktor bagi orang yang disebutkan mula-mula di atas dan perkataan mengambil bekerja dengan variasi kenahuan dan ungkapan seasal hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;</p> <p>(b) jika pemunya atau penerima pajak (termasuk ejen, pengurus dan faktor bagi pemunya atau penerima pajak itu) suatu tempat pekerjaan</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>(kemudian daripada ini disebut sebagai orang yang mula-mula disebut) telah memasuki suatu perjanjian, sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau tersirat, dengan orang yang lain bagi maksud melaksanakan apa-apa kerja bagi atau berkaitan dengan apa-apa perniagaan, perdagangan, urusan atau kepentingan orang yang mula-mula disebut itu, istilah “majikan” hendaklah juga termasuk orang yang mula-mula disebut itu, dan istilah “ambil kerja” dengan variasi gramatis dan ungkapan seasal, hendaklah ditafsirkan sewajarnya;</p>	
	<p>“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi tenaga manusia;</p>	
	<p>“Pegawai Perubatan Kesihatan” ertinya seperti yang ditafsirkan dalam seksyen 2(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	“pekerja” ertinya seorang pekerja sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 2(1) Akta Kerja 1955.	
	“penginapan” ertinya apa-apa bangunan yang disediakan oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk kediaman pekerja .	
	“penginapan berpusat” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan untuk kediaman pekerja untuk satu atau lebih majikan,	
	“pengurus penginapan” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat yang bertanggungjawab terhadap penginapan atau perumahan, keselamatan dan kesihatan pekerja dan kemudahan-kemudahan di bawah Akta ini.	
	“penyedia penginapan berpusat” ertinya seseorang yang menyediakan, mengurus dan menyelia perkhidmatan penginapan berpusat kepada satu atau lebih pekerja tetapi tidak termasuk majikan yang	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	menyediakan penginapan.	
	“perumahan pekerja” ertinya bangunan yang dibina oleh majikan untuk dijadikan tempat tinggal pekerja dan tanggungannya.	
	“tempat pekerjaan” ertinya suatu tempat yang kerja dijalankan oleh atau bagi pihak atau bagi seseorang majikan dan hendaklah termasuk mana-mana tempat yang pekerja ditempatkan oleh seorang majikan.	
4.	<p><b>Kuasa Menteri</b></p> <p>(1) Menteri boleh melalui <i>Warta</i> mengenakan syarat dan kos maksimum untuk sewaan penginapan yang boleh dikutip oleh majikan melalui potongan gaji pekerja.</p> <p>(2) Menteri boleh melalui perintah mengecualikan atau melarang mana-mana majikan atau kelas majikan atau apa-apa bangunan atau kelas bangunan yang ditentukan dalam perintah itu daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	(3) Walau apapun peruntukan dibawah Akta ini, Menteri boleh mengeluarkan perintah melalui Warta mewajibkan mana-mana majikan menyediakan penginapan kepada mana-mana golongan pekerja.	
	<b>BAHAGIAN II FUNGSI DAN KUASA KETUA PENGARAH</b>	
5	<p><b>Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah</b></p> <p>(1) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:</p> <p>(a) untuk mentadbir dan mengawal selia semua perkara berkaitan penginapan dan perumahan pekerja;</p> <p>(b) untuk mengarah majikan mengemukakan maklumat atau perakuan berkaitan penginapan atau perumahan pekerja;</p>	



BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>(c) untuk mengeluarkan apa-apa arahan kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat bagi menyediakan apa-apa kemudahan tambahan berkaitan penginapan atau perumahan pekerja;</p> <p>(d) untuk memberi perakuan kepada penyedia penginapan pekerja berpusat untuk menjadikan sesebuah bangunan sebagai penginapan berpusat; dan</p> <p>(e) untuk melakukan apa-apa perkara bersampingan dengan apa-apa fungsinya di bawah Akta ini.</p> <p>(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
6	<p><b>Pewakilan fungsi dan kuasa Ketua Pengarah</b></p> <p>Tertakluk kepada batasan-batasan tertentu, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta Kerja 1955 hendaklah melaksanakan semua tugas-tugas yang dikenakan dan bolehlah menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh Akta ini, dan setiap tugas yang dilaksanakan itu dan kuasa yang dijalankan itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilaksanakan dan dijalankan dengan sempurna bagi tujuan-tujuan Akta ini.</p>	
	<p style="text-align: center;"><b>BAHAGIAN III STANDARD MINIMUM PENGINAPAN ATAU PERUMAHAN PEKERJA, PENGINAPAN BERPUSAT DAN KEMUDAHAN</b></p>	
7	<p><b>Penyediaan penginapan atau perumahan dan kemudahan pekerja</b></p> <p>(1) Mana-mana majikan boleh menyediakan</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>penginapan atau perumahan pekerja hendaklah mengikut standard-standard minimum yang diperuntukkan di bawah Akta ini, peraturan-peraturan, perintah-perintah dan arahan-arahan yang dibuat di bawahnya.</p> <p>(2) Walau apapun peruntukan subseksyen (1) mana-mana majikan boleh menyediakan penginapan pekerja melalui penyedia penginapan berpusat dan hendaklah memastikan penyedia penginapan berpusat itu mendapat perakuan daripada Ketua Pengarah mengikut cara dan bentuk yang ditentukan.</p> <p>(3) Mana-mana majikan yang menyediakan sendiri penginapan pekerja atau melalui penyedia penginapan berpusat hendaklah memberi notis kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari setelah pekerja ditempatkan dalam sesuatu bangunan penginapan melalui cara dan bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.</p> <p>(4) Mana-mana majikan yang gagal mematuhi subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.</p> <p>(5) Mana-mana majikan yang gagal mematuhi subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.</p>	
8	<p><b>Penyediaan penginapan dan kemudahan pekerja oleh penyedia penginapan berpusat</b></p> <p>(1) Mana-mana penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan pekerja bagi pihak mana-mana majikan hendaklah mengikut standard-standard minimum yang diperuntukkan di bawah Akta ini, peraturan-peraturan, perintah-perintah dan arahan-arahan yang dibuat di bawahnya.</p> <p>(2) Penyedia penginapan berpusat boleh menempatkan mana-mana pekerja di dalam bangunan penginapan setelah mendapat perakuan daripada Ketua Pengarah seperti ditentukan.</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>(3) Mana-mana penyedia penginapan berpusat yang gagal mematuhi subseksyen (1) atau (2), jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.</p>	
9	<p><b>Penginapan hendaklah mematuhi undang-undang pihak berkuasa berkaitan</b></p> <p>(1) Tiada mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat boleh menempatkan mana-mana pekerja dalam mana-mana bangunan yang tidak mendapat kelulusan bagi maksud penginapan mengikut mana-mana undang-undang yang berkaitan.</p> <p>(2) Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat yang gagal mematuhi subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.</p> <p>(3) Majikan atau Penyedia Penginapan Berpusat perlu menyediakan penginapan yang selesa, bekalan</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>air, bekalan elektrik mengikut peraturan-peraturan, perintah atau arahan yang dibuat dibawah Akta ini.</p> <p>(4) Ketua Pengarah boleh mengarahkan menyediakan klinik atau hospital, taman asuhan kanak-kanak, dewan komuniti dan kemudahan-kemudahan lain.</p>	
	<p><b>BAHAGIAN IV KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PENYELENGGARAAN</b></p>	
10	<p><b>Keselamatan dan kesihatan</b></p> <p>(1) Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan penginapan yang berasingan bagi pekerja berlainan jantina.</p> <p>(2) Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah mengambil langkah pencegahan dan keselamatan kebakaran mengikut mana-mana undang-undang yang berkaitan.</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>(3) Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan pendawaian elektrik di penginapan pekerja mematuhi mana-mana undang-undang yang berkaitan.</p> <p>(4) Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan kemudahan perubatan.</p> <p>(5) Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah mengambil langkah menghalang penyebaran penyakit berjangkit mengikut mana-mana undang-undang yang berkaitan termasuk menanggung kos pengimunan pekerja terhadap penyakit berjangkit sekiranya diarah oleh Pegawai Perubatan Kesihatan.</p>	
11	<p><b>Penyelenggaraan</b></p> <p>Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan bahawa penginapan pekerja sentiasa diselenggara supaya berada dalam keadaan baik dan bersih seperti yang ditentukan.</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
12	<p><b>Pelantikan pengurus penginapan</b></p> <p>Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang pengurus penginapan yang bertanggungjawab berkaitan:</p> <p>(a) keselamatan dan kesihatan pekerja;  (b) penginapan itu; dan  (c) kemudahan-kemudahan</p> <p>yang disediakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini, peraturan-peraturan, perintah dan arahan yang dibuat di bawah Akta ini.</p>	
	<p><b>BAHAGIAN V PELBAGAI</b></p>	
13	<p><b>Notis pengosongan penginapan atau perumahan pekerja</b></p>	



BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>(1) Sekiranya kontrak perkhidmatan ditamatkan, majikan boleh menghendaki penginapan yang disediakan kepada pekerja dikosongkan dengan memberi notis pengosongan secara bertulis tidak kurang dari 30 hari sebelum tarikh tamatnya notis penamatan perkhidmatan atau luput tempoh kontrak perkhidmatan.</p> <p>(2) Jika pekerja disabitkan dibawah mana-mana undang-undang, tempoh notis tidak diperlukan.</p>	
14	<p><b>Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai disifatkan sebagai pengkhidmat awam</b></p> <p>Ketua Pengarah dan semua pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta ini disifatkan sebagai pengkhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan.</p>	
15	<p><b>Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang</b></p> <p>Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Kerajaan, Menteri, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai tenaga kerja di bawah seksyen 6 berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat sedemikian.</p>	
16	<p><b>Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan</b></p> <p>Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai tenaga kerja di bawah seksyen 6 hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [<i>Akta 593</i>], berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangan kuasa itu.</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
17	<p><b>Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan</b></p> <p>Mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpama bagi pertubuhan perbadanan itu melakukan kesalahan di bawah Akta ini, boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan dan jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, persetujuannya atau pembiarannya; dan</li><li>(b) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.</li></ul>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
18	<p><b>Pendakwaan</b></p> <p>Tiada pendakwaan boleh dibawa bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini tanpa keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.</p>	
19.	<p><b>Kompaun</b></p> <p>(1) Menteri boleh, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta yang tidak ada hukuman penjara;</li> <li>(b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan itu; dan</li> <li>(c) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu.</li> </ul> <p>(2) Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun apa-apa kesalahan,</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>kecuali kesalahan di bawah subseksyen 7(4), 8(3) dan 9(2) yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.</p> <p>(3) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.</p> <p>(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>itu dibuat.</p> <p>(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan mana-mana dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.</p> <p>(6) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.</p>	
20	<p><b>Penalti am</b></p> <p>Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, peraturan, perintah atau arahan di bawah Akta ini, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah peruntukan itu, dan jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyata bagi kesalahan itu, apabila disabitkan,</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.	
21	<p><b>Penalti dalam hal kesalahan berterusan</b></p> <p>Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang dia bertanggungjawab di bawah Akta ini berkenaan dengan kesalahan itu, denda harian yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.</p>	
22	<p><b>Penalti dalam hal kesalahan berulang</b></p> <p>Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh, dalam hal suatu kesalahan yang berulang, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya sekali.</p>	

BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
23	<p><b>Peraturan-peraturan</b></p> <p>(1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan standard-standard minimum dan kemudahan-kemudahan dan perkara-perkara berkaitan dengan penginapan dan perumahan pekerja.</p>	
24	<p><b>Pemansuhan dan kecualian berkenaan dengannya</b></p> <p>(1) Akta ini adalah dengan ini memansuhkan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446].</p> <p>(2) Mana-mana peraturan, perintah, kaedah, pemberitahuan, notis, borang, arahan dan surat pemberian kuasa yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang yang dimansuhkan dalam subseksyen (1) hendaklah terus berkuatkuasa dan boleh dipinda pada bila-bila masa mengikut keperluan sehingga dibatalkan atau digantikan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.</p>	



BIL.	RUU PENGINAPAN DAN PERUMAHAN PEKERJA 2018	ULASAN
	<p>(3) Apa-apa siasatan, perbicaraan atau prosiding yang dibuat, diambil atau dimulakan di bawah Akta yang dimansuhkan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah dan mengikut peruntukan Akta yang dimansuhkan.</p> <p>(4) Mana-mana bangunan penginapan pekerja yang dibina, diubah suai atau ditukar tujuan kegunaannya mengikut peruntukan-peruntukan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] adalah dianggap telah mematuhi kehendak Akta ini dan boleh terus digunakan.</p> <p>(5) Menteri boleh, bila mana didapatinya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian sama ada bagi maksud mengatasi kesulitan atau disebabkan oleh lulusnya Akta ini, melalui perintah membuat ubahsuaian-ubahsuaian kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana peraturan dalam subseksyen (2) sebagaimana yang difikirkannya patut.</p>	